

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 12.6.2014

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kerajaan berhasrat untuk menjadikan subsidi utiliti sebagai peruntukan LPBT kepada sekolah-sekolah berdasarkan kiraan per kapita tanpa mengira jenis sekolah agar sekolah-sekolah berkemampuan membayar bil-bil utiliti masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan Bantuan Geran Per Kapita (PCG) kepada semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Bantuan PCG ini meliputi Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) bagi tujuan pembayaran bil utiliti seperti telefon, air, elektrik, telegram, setem, internet dan pembentungan serta maksud perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, kerajaan bersetuju membiayai bil utiliti (bil elektrik dan air sahaja) berdasarkan bil sebenar dan tidak melebihi RM2,000.00 bagi Sekolah Bantuan Kerajaan seperti Surat Pekeliling Kewangan Bil. 6/2012 (Pindaan Kepada Surat Pekeliling Kewangan Bil. 12 Tahun 2010 Prosedur Pembayaran Bil Utiliti Sekolah Bantuan Kerajaan Bagi Negeri-Negeri di Semenanjung Tahun 2011).